



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KONSEPSI GURU-GURU MATEMATIK TINGKAT SEKOLAH MENENGAH
ATAS NEGERI DI BANDAR PALEMBANG TERHADAP PENDEKATAN
PEMBELAJARAN BERPUSAT PELAJAR DAN PELAKSANAANYA
DI DALAM BILIK DARJAH**

TRIMURTI SALEH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN MATEMATIK)**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan menganalisis konsepsi guru-guru Matematik Tingkat Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri di bandar Palembang terhadap pendekatan Pembelajaran Berpusat Pelajar (PBP). Kajian kes ini melibatkan lima orang guru SMA Negeri di bandar Palembang yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Proses pengumpulan data dibuat secara individu melalui temu bual pra pengajaran, pemerhatian pengajaran dalam bilik darjah, temu bual pasca pengajaran, nota lapangan dan dokumen pengajaran. Proses pengumpulan data dilakukan sebanyak lima kali untuk setiap peserta kajian. Temu bual dijalankan sebelum dan selepas setiap sesi pengajaran. Kaedah analisis adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsepsi guru terhadap PBP masih belum jelas. Sebahagian besar guru awalnya berpandangan pelajar harus aktif dan guru hanya sebagai fasilitator, motivator, komunikator, evaluator, dan sumber pembelajaran. Hanya seorang guru berpendapat bahawa PBP sebagai arahan bagi guru untuk bertindak sebagai perantara dalam membantu pelajar mempelajari konsep matematik baharu. Empat orang guru menyatakan peranan pelajar di dalam PBP adalah aktif mencari, menemukan, mengolah, mengkonstruksi dan memberi makna ilmu pengetahuan yang diperoleh. Hanya seorang guru yang menyatakan pelajar sebagai subjek mandiri dalam pembelajaran. Sebahagian guru memiliki konsepsi bahawa masalah di dalam PBP harus kontekstual, tidak rutin dan memberi kesempatan kepada pelajar untuk mendapatkan penyelesaian masalah. Kebanyakan guru melaksanakan PBP hanya dengan memfokuskan pada pembentukan kumpulan pelajar dan hanya menggunakan satu model pembelajaran PBP, tanpa memperhatikan keadaan pelajar dan isi kandungan pelajaran. Kesimpulannya konsepsi guru terhadap PBP mempengaruhi amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Kajian ini memberi implikasi bahawa konsepsi dan amalan pengajaran yang dipamerkan guru adalah sangat penting dan mampu membantu pelajar dalam mengembangkan isi kandungan pelajaran dan keaktifan pelajar.





SENIOR HIGH SCHOOL MATHEMATICS TEACHERS' CONCEPTION AND PRACTICES ON STUDENT CENTERED LEARNING APPROACH

ABSTRACT

This qualitative study aimed at analyzing the perception of Senior High Schools mathematics teachers in Palembang toward the use of Student-centered Learning approach (SCL). Five mathematics teachers selected based on purposive sampling technique were involved in this study. The data were collected five times from each participants individually through interviews before and after the teaching activities, observation, field note, and teaching documents. The data were analyzed by using content analysis method. The results of this study showed that most of the teachers do not have clear ideas on the concept of student-centered learning method. Initially, most of the teachers perceived SCL as a method which requires the students to be active and the teachers play the role as the facilitator, motivator, communicator, evaluator, and learning resources. Only one teacher perceived SCL as the tool for the teachers to help the learners learn the new mathematical concept. Four teachers said that the roles of the learners in SCL were actively searching, finding, processing, constructing, and giving meaning to the knowledge they got while one teacher perceived learners as a subject of the learning activities. Most of the teachers also had the perception that problems exposed in SCL should be contextual, not routine, and provide opportunities for the learners to find the solution for the problems while other teachers emphasize that it is important to expose the problems in the beginning of the lesson in order to help the learners find the new mathematical concept. Furthermore, it was also found that the application of SCL only focused in grouping the students and only used one type of SCL learning model without considering other aspects, such as students' condition and content of the lesson. Based on the findings we can conclude that teachers' concept on SCL influence their teaching performance in the classroom. This implied that teachers' concept and their teaching performance is very important and will help the students develop their knowledge of the lesson and help them to become active learners.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	Xi
SENARAI RAJAH	Xii
SENARAI SINGKATAN	Xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Kerangka Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Soalan Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	22
1.7 Batasan Kajian	25
1.8 Definisi Istilah	27
1.9 Rumusan	32



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	33
2.2	Paradigma Pengajaran Matematik SMA di Indonesia	34
2.3	Pendekatan Pembelajaran Berpusat Pelajar (PBP)	40
2.3.1	Pengertian PBP	40
2.3.2	Karakteristik PBP	45
2.3.3	Peranan Guru PBP	55
2.3.3.1	Peranan sebagai fasilitator	56
2.3.3.2	Peranan sebagai Motivator	59
2.3.3.3	Peranan sebagai Evaluator	62
2.3.3.4	Peranan sebagai komunikator	64
2.4	Penerapan Pendekatan PBP dalam Pengajaran Matematik di Bilik Darjah	67
2.4.1	Perancangan Proses Pembelajaran dengan Pendekatan PBP	67
2.4.2	Pelaksanaan Proses Pembelajaran dengan Pendekatan PBP	69
2.5	Konsepsi Guru terhadap Pendekatan PBP	71
2.6	Rumusan	77

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	78
3.2	Reka Bentuk Kajian	79
3.3	Peserta Kajian	81
3.3.1	Pemilihan Peserta Kajian	83



3.3.2 Etika Kajian	86
3.4 Alat Pengumpulan Data	87
3.4.1 Pemerhatian	87
3.4.2 Temu bual	88
3.4.3 Catatan Lapangan	91
3.4.4 Analisis Dokumen	91
3.5 Tata Cara Pengumpulan Data	92
3.5.1 Tahap Persiapan	92
3.5.2 Tahap Pelaksanaan	92
3.5.3 Tahap Penganalisan Data	95
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	97
3.6.1 Triangulasi	98
3.6.2 Kesahan Antara Pakar	98
3.6.3 Matlumat Balas Peserta	102
3.7 Kajian Rintis	104
3.8 Rumusan	109

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	111
4.2 Dapatan Kajian	112
4.2.1 Responden Pertama-Puji	112
4.2.1.1 Konsepsi PBP oleh Puji	113
4.2.1.2 Pelaksanaan PBP di Bilik Darjah	146
4.2.1.3 Perbincangan tentang Puji	151





4.2.2	Responden Kedua-Tia	152
4.2.2.1	Konsepsi terhadap Pendekatan PBP oleh Tia	152
4.2.2.2	Pelaksanaan PBP di Bilik Darjah	179
4.2.2.3	Perbincangan Tentang Tia	185
4.2.3	Responden Ketiga-Weni	187
4.2.3.1	Konsepsi Pendekatan PBP oleh Weni	187
4.2.3.2	Pelaksanaan PBP di Bilik Darjah	202
4.2.3.3	Perbincangan Tentang Weni	206
4.2.4	Responden Keempat-Elika	207
4.2.4.1	Konsepsi PBP oleh Elika	208
4.2.4.2	Pelaksanaan PBP di Bilik Darjah	219
4.2.4.3	Perbincangan Tentang Elika	222
4.2.5	Responden Kelima-Yeka	223
4.2.5.1	Konsepsi PBP oleh Yeka	224
4.2.5.2	Pelaksanaan PBP di bilik darjah	232
4.2.5.3	Perbincangan Tentang Yeka	236
4.3	Analisis Kajian	237
4.3.1	Konsepsi PBP oleh Guru	237
4.3.1.1	Konsepsi tentang Peranan Pengajar dalam PBP	238
4.3.1.2	Konsepsi tentang Peranan Pelajar dalam PBP	247
4.3.1.3	Konsepsi tentang Hakikat Masalah dalam PBP	252
4.3.2	Pelaksanaan PBP di Bilik Darjah	255
4.4	Rumusan	262





BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	265
5.2	Rumusan Perbincangan	266
5.2.1	Konsepsi Guru Tentang PBP	266
5.2.2	Amalan Guru terhadap PBP	267
5.3	Perbincangan	269
5.3.1	Konsepsi Guru Tentang PBP	273
5.3.1.1	Peranan Guru	273
5.3.1.2	Peranan Pelajar	278
5.3.1.3	Hakikat Masalah Dalam PBP	283
5.3.2	Pelaksanaan PBP	285
5.4	Implikasi Kajian	287
5.4.1	Implikasi Teori	288
5.4.2	Implikasi Praktis	290
5.5	Cadangan	291
5.6	Rumusan	294

RUJUKAN	296
----------------	-----

LAMPIRAN	312
-----------------	-----





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbezaan Pembelajaran Berpusat Guru dan PBP	44
2.2	Contoh Model-model Pembelajaran	70
3.1	Maklumat Peserta Kajian	86
3.2	Jadual Pelaksanaan Kajian Rintis	106
3.3	Ringkasan Analisis Kajian Rintis Data Kualitatif	108
4.1	Konsepsi Guru tentang Pendekatan PBP	238





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konsep PBP Gabungan	16
1.2	Kerangka Konsep PBP Modifikasi	20
2.1	Pengembangan Silabus	68
3.1	Peta Bandar Palembang	84
3.2	Proses Mengkategorikan dan Mengkod Data	97
4.1	Aktiviti Pengajaran Weni-1	199
4.2	Aktiviti Pengajaran Erika-1	218





SENARAI SINGKATAN

BSNP	: Badan Standar Nasional Pendidikan
CL	: Catatan Lapangan
CV	: <i>Curriculum Vitae</i>
Depdiknas	: Departemen Pendidikan Nasional
DP	: Dokumen Pengajaran
IPS	: Ilmu Pengetahuan Sosial
IPA	: Ilmu Pengetahuan Alam
Kemendiknas	: Kementerian Pendidikan Nasional
LAS	: Lembaran Aktivitas Pelajar
MGMP	: Musyawarah Guru Mata Pelajaran
NCTM	: <i>National Council of Teachers of Mathematics</i>
OECD	: <i>Organization for Economic Co-operation and Development</i>
PBP	: Pembelajaran Berpusat Pelajar
RPP	: Rencana Pelaksanaan Pembelajaran
LAS	: Lembar Aktivitas Pelajar
SMA	: Sekolah Menengah Atas
UU	: Undang-undang



**SENARAI LAMPIRAN**

No. Lampiran		Muka surat
A	Borang Persetujuan Peserta Kajian (informed consent)	312
B	Senarai Semak Pemerhatian Pengajaran	315
C	Protokol Temu Bual	319
D	Senarai Riwayat Hidup	326
E	Posisi Alat Perakam Video Pemerhatian	327
F	Borang Pengesahan	328





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional (UU Sisdiknas) Nombor 20 Tahun 2003 (Depdiknas, 2003) menyebutkan bahawa pendidikan ialah usaha sadar dan terancang untuk mewujudkan suasana belajar dan proses pembelajaran agar pelajar secara aktif dapat mengembangkan potensi dirinya. UU Sisdiknas 2003 juga menyebutkan fungsi dan tujuan pendidikan. Pendidikan nasional bertujuan untuk mengembangkan potensi pelajar agar menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia, sihat, berilmu, cekap, kreatif, berdikari dan menjadi warga negara yang demokratik serta bertanggungjawab. Untuk pencapaian matlamat ini, proses pengurusan pendidikan yang baik diperlukan dan sesuai dengan standard pendidikan yang telah ditetapkan.





Peraturan Pemerintah (PP) Republik Indonesia Nombor 19 Tahun 2005 tentang Standard Nasional Pendidikan pasal 19 ayat 1 (Depdiknas, 2005) menyatakan proses pembelajaran pada satuan pendidikan diselenggarakan secara interaktif, inspiratif, seronok, mencabar, memotivasi pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif serta memberikan ruang yang cukup bagi inisiatif, kreativiti dan berdikari sesuai dengan minat pelajar. Hal ini juga menunjukkan adanya perubahan pada tuntutan metode pembelajaran iaitu paradigma guru menjadi fasilitator ke arah memfasilitasi pelajar untuk lebih aktif.

Perubahan paradigma ini disokong juga oleh UU Sistem Pendidikan Nasional (Sisdiknas) Nombor 20 tahun 2003 pasal 4 (Depdiknas, 2003) bahawa pengurusan pendidikan nasional harus mencakup prinsip-prinsip di antaranya, (1) Pendidikan diselenggarakan sebagai satu kesatuan yang sistemik dengan sistem terbuka dan multimakna; (2) Pendidikan diselenggarakan sebagai suatu proses pembudayaan dan pemberdayaan pelajar yang berlangsung sepanjang hayat; (3) Pendidikan diselenggarakan dengan memberi keteladanan, membangun kemahuan dan mengembangkan kreativiti pelajar dalam proses pembelajaran; (5) Pendidikan diselenggarakan dengan mengembangkan budaya membaca, menulis dan mengira bagi seluruh warga masyarakat. Berdasarkan prinsip penyelenggaraan pendidikan ini, kualiti guru amat diperlukan supaya dapat membangunkan kemahuan dan mengembangkan potensi dan kreativiti pelajar.

Landasan tentang pendidikan, tujuan pendidikan dan penyelenggaraan pendidikan di atas memberikan paradigma pembelajaran bahawa tidak lagi wujud *teacher-centered learning* (TCL) namun, menitikberatkan *student-centered learning*





(SCL). Pembelajaran SCL yang dimaksudkan dalam kajian ini, ialah Pembelajaran Berpusat Pelajar (PBP) iaitu pelajar lebih aktif dalam mencari dan mengembangkan pengetahuan, manakala guru berfungsi sebagai fasilitator, motivator dan evaluator dalam menciptakan pembelajaran interaktif, seronok dan mencabar (Ormrod, 2000).

Teori perubahan paradigma baru dalam pendidikan yang dituliskan oleh Attard et al. (2010), menegaskan PBP secara umum berasaskan kepada teori konstruktivisme, yang dibangunkan dengan gagasan bahawa pelajar perlu membina semula pengetahuan untuk belajar secara berkesan. Dengan cara belajar seperti ini, pengalaman belajar boleh membangunkan pembelajaran yang bermakna. PBP juga mirip pembelajaran transformatif, belajar sebagai proses yang berterusan, memberi tumpuan kepada peningkatan dan memperkasakan pelajar, serta mengembangkan kebolehan kritis pelajar (Attard et al., 2010).

Idea dasar dari PBP ialah pelajar tidak hanya memilih apa yang akan dipelajari, tetapi mengapa pelajar berminat untuk mempelajari suatu materi (O'Neill & McMahon, 2005). PBP merupakan pendekatan pembelajaran yang menempatkan pelajar sebagai subjek yang aktif dan berdikari, dengan kondisi psikologi sebagai pembelajar dewasa, serta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembelajarannya. Dengan prinsip-prinsip ini, maka pelajar diharap mempunyai dan menghayati jiwa pembelajar sepanjang hayat serta menguasai *hard skills* dan *soft skills* yang saling menyokong. Dalam lain perkataan, guru beralih fungsi menjadi fasilitator, termasuk sebagai rakan pembelajaran, tidak lagi sebagai sumber pengetahuan utama (Candy, 1991 & Harsono, 2006).





Dengan demikian, terlihat bahawa PBP: (1) menempatkan pelajar sebagai pusat dalam proses pembelajaran dan memenuhi keperluan pelajar; (2) membolehkan pelajar untuk belajar apa yang relevan bagi mereka dengan cara-cara yang tepat; (3) menekankan kepada minat dan kebolehan individu dan menjanjikan model belajar yang menggali motivasi intrinsik untuk membangun pelajar yang suka dan selalu belajar.

Pendekatan pembelajaran seperti ini mempunyai potensi yang besar terhadap pembangunan kualiti sumber manusia yang diperlukan masyarakat. Keperluan PBP telah di depan mata, namun untuk melaksanakannya tidaklah mudah. Dalam melaksanakan PBP, pelajar diharapkan menjadi peribadi yang aktif dan berdikari dalam proses belajarnya, yang bertanggungjawab dan mengambil inisiatif untuk mengenali keperluan belajarnya, mencari sumber-sumber matlumat untuk mendapatkan jawapan mengikut keperluannya, membina serta membentangkan pengetahuannya berdasarkan keperluan serta sumber-sumber yang ditemuinya dan cara berfikir dari para pendidik pun perlu diperbaharui.

1.2 Pernyataan Masalah

Pembelajaran Berpusat Pelajar merupakan pendekatan pembelajaran yang telah dilaksanakan di Indonesia semenjak tahun 2007. PBP dinyatakan secara jelas dalam Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia (Permendikbud) Nombor 81A (Kemdikbud, 2013) tentang Implementasi Kurikulum 2013 dan menjadi pendekatan wajib bagi pembelajaran Kurikulum 2013. Tuntutan paradigma





pembelajaran PBP ialah sesuai dengan amanat yang ada di dalam UU Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2003 dan PP Nombor 19 Tahun 2005. Juga, PBP sesuai dengan prinsip teori belajar konstruktivis yang dikembangkan oleh Bruner (1961), Dewey (1933), Piaget (1983) dan Vygotsky (1978), iaitu memusatkan proses pembelajaran kepada perubahan perilaku pelajar itu sendiri dan dialami langsung untuk membentuk konsep belajar dan memahami. Seperti yang diungkapkan oleh Elliot et al. (2000); Ormrod (2000); dan Westwood (2008) bahawa landasan pemikiran dari PBP ialah teori belajar konstruktivis. Untuk menjalankan amanat ini, pada setiap tingkatan pendidikan pemerintah mencanangkan kurikulum pendidikan nasional 1984, yang dikenal dengan istilah Cara Belajar Pelajar Aktif (CBSA), serta Kurikulum Tingkat Kesatuan Pendidikan (KTSP) yang melaksanakan prinsip-prinsip konstruktivisme dari setiap silibus yang disusun.



Menurut Slavin (2000), dalam pembelajaran konstruktivis, pelajar perlu membina pengetahuan dalam fikiran mereka sendiri. Jadi pandangan konstruktivisme menuntut pelajar berperanan secara aktif dalam pembelajaran mereka sendiri. Oleh itu, penekanannya kepada pelajar yang aktif, ruang lingkup pembelajaran yang mencabar, tanggungjawab bersama, representasi materi pelajaran berganda, konsepsi bahawa pengetahuan dapat dibangun, PBP, serta peranan guru hanya membantu pelajar mencari fakta, konsep atau prinsip bagi mereka sendiri (Ormrod, 2000).

Kurikulum yang diwawarkan oleh pemerintah jelas berfokus kepada pelajar aktif, dan pembelajaran yang berpusat pada pelajar merupakan tuntutan yang dijelaskan dalam UU dan PP, dan telah ditawarkan pula CBSA yang menekankan pada konstruktivis. Tetapi, berdasarkan fakta lapangan tentang pelaksanaan





pembelajaran selama ini yang di dapati dari hasil-hasil kajian mengenai PBP di Indonesia secara tegas menunjukkan bahawa masih terdapat berbagai permasalahan tentang PBP seperti yang dinyatakan oleh Mulyana (2009), Sutiarso (2000), Suryadi (2008), Syaban (2008), dan Tahmir (2008) mendapati bahawa guru aktif sedangkan pelajar masih pasif, pembelajaran masih berpusat pada guru, dan guru memindahkan pengetahuan kepada pelajar. Hasil kajian yang didapati oleh Ardhana, Kaluge & Purwanto (2005); Natajaya, Santyasa & Suhandana (2008) dan Santyasa, Warpala & Teguh (2014) mendapati bahawa proses pembelajaran masih cenderung berpusat kepada guru. Penelitian yang dilakukan oleh Alsa, Widhiarso & Susetyo (2010) tentang melihat bagaimana PBP diterapkan dalam proses pembelajaran juga menunjukkan bahawa banyak ditemui ketidaktepatan model pembelajaran yang dipakai oleh guru dengan keutamaan pelajar dalam belajar.



Beberapa kajian lain juga membuat kesimpulan dan mendapatkan hasil yang tidak begitu baik dalam hal pelaksanaan PBP oleh guru. Kajian yang dilaksanakan cenderung membuat kesimpulan dan mendapatkan hasil yang tidak begitu baik dalam hal amalan PBP oleh guru. Sebagai contoh Hunde & Tegegne (2010) menyatakan bahawa amalan pembelajaran dengan PBP yang dilaksanakan beberapa guru tidak berjalan dengan baik. Estes (2004) juga mempermasalahkan posisi antara pengajar dan pelajar yang setara akibatnya PBP yang dilaksanakan tidak berjalan dengan baik. Alsa, Widhiarso & Susetyo (2010) dari hasil penelitiannya mengemukakan ternyata tidak semua guru membangunkan strategi PBP dan melihat teknologi pembelajaran merupakan satu anjakan paradigma yang kentara dari aspek pembelajaran yang menekankan pelajar memahami kandungan pelajaran menuju pelajar sebagai pelajar seumur hidup.





Selanjutnya, kerana PBP merupakan suatu pendekatan pembelajaran yang dalam pelaksanaannya dapat menggunakan model pembelajaran, terdapat beberapa hasil kajian penerapan PBP dengan model pembelajaran, seperti model Pembelajaran Koperatif (PK), dan model Pembelajaran Berbasis Masalah (PBM). Keberkesanan PBP dengan PK telah dilakukan oleh Gillies & Boyle (2010) yang meneliti tentang persepsi guru terhadap penerapan PK yang dilakukan di bilik darjah mereka. Hasilnya menunjukkan bahawa guru masih mengalami kesukaran sosialisasi yang berlaku dalam kumpulan, pengurusan masa dan struktur yang diperlukan dalam melaksanakan PK, serta permasalahan apa yang perlu dibentangkan untuk dibincangkan oleh masing-masing kumpulan. Sholikhin (2011) meneliti pengaruh PBM terhadap prestasi belajar matematik, hasil penelitian Sholikhin tidak menunjukkan pengaruh apa pun. Hal ini disebabkan kerana dalam mengimplementasikan PBM media yang digunakan kurang inovatif sehingga proses pembelajaran pelajar tidak aktif.



Akibat dari tidak tepatnya pelaksanaan PBP yang dikaji dari beberapa penelitian tersebut menurut Harsono (2006), dan Attard et al. (2010) berdampak kepada pelajar secara langsung. Kemampuan konseptualisasi sebahagian besar pelajar terbatas, pelajar cenderung menjadi penerima, kurang berperanan sebagai pengkonstruksi ataupun mengeksplor ilmu pengetahuannya. Proses pembelajaran juga lambat dan pelajar tidak memiliki peluang untuk mandiri dalam memilih menu pelajaran yang sesuai, sehingga pelajar selalu tertinggal di belakang, dan tidak dapat segera menyesuaikan diri dengan kemajuan zaman. Dampak akhirnya adalah berpengaruh pada hasil belajar pelajar yang kurang baik.





Banyak faktor yang menyebabkan munculnya masalah di atas, diantaranya (1) terhadap konsepsi guru tentang PBP. Ernest (1988) dan Thompson (1992) menyatakan bahawa hal-hal yang dipertimbangkan seorang guru untuk mencapai tujuan yang diinginkannya, peranannya dalam pembelajaran, peranan pelajar, perkiraan aktiviti di dalam kelas, pendekatan dan penekanan pembelajaran yang diinginkan, prosedur dan hasil yang dapat diterima dalam pembelajaran, semuanya merupakan konsepsi guru tentang pengajaran itu sendiri. Mulyana (2009) juga menyebutkan bahawa keyakinan dan konsepsi yang dimiliki guru, sangat menentukan keberhasilan dalam mencapai misi yang digariskan kurikulum. Tidak serasinya antara keyakinan dan konsepsi guru dengan visi yang mengarahkan kurikulum, merupakan salah satu faktor yang menghambat terlaksananya kurikulum sesuai dengan misi yang telah ditetapkan. Selanjutnya, Mulyana (2009) dan Pardjono (2000) juga menyatakan bahawa keyakinan dan konsepsi guru masih cenderung instrumentalis tidak sejajar dengan visi kurikulum yang berlaku, sehingga pelaksanaan kurikulum menjadi terhambat. Guru masih mengalami kesulitan dalam melaksanakan pembelajaran yang direncanakan dalam Kurikulum.

Pengenalan pasti tentang bagaimana konsepsi guru terhadap pendekatan PBP, perlu dilakukan kajian yang mendalam terutamanya tentang konsepsi guru terhadap pendekatan PBP dan bagaimana pelaksanaan PBP di bilik darjah serta mengapa guru melaksanakan seperti itu. Sampai saat ini, aspek ini amat jarang di dalam oleh pengkaji-pengkaji di Indonesia. Kajian yang sudah dilakukan di Indonesia selama ini lebih bertumpu kepada keberkesanan pendekatan PBP dengan melaksanakan berbagai model dan metode pembelajaran yang mendukung keterlaksanaan PBP di dalam bilik darjah. Seperti hasil kajian Fajarwati (2010) dan Wulandari (2013) menghasilkan





bahawa dengan melaksanakan pendekatan PBP pelajar menjadi lebih berminat dan terdorong untuk belajar.

Lea, Stephenson & Troy (2003) dan Silberman (2011) meninjau beberapa kajian tentang PBP dan menemukan bahawa secara keseluruhan PBP merupakan pendekatan yang efektif. Sebuah kajian enam tahun di Helsinki, yang membandingkan pengajaran tradisional dan pengajaran yang mengaktifkan pelajar, mendapati bahawa kumpulan pelajar yang mendapat pengajaran aktif mengembangkan kebolehan belajar mereka lebih baik (Lonka & Ahola, 1995). Begitu juga Hall & Saunders (2006) mendapati bahawa pelajar yang diterapkan dengan pendekatan PBP telah meningkatkan penyertaan, motivasi dan hasil sejak tahun 1997. Selain itu, 94% daripada pelajar akan mengesyorkan pendekatan PBP ini kepada orang lain daripada pendekatan yang lebih konvensional. Pelajar-pelajar di UK menghuraikan tentang kesan PBP, iaitu mereka merasa lebih banyak rasa hormat untuk pelajar dalam pendekatan ini, lebih menarik, menyenangkan dan meningkatkan rasa percaya diri mereka (Lea, Stephenson & Troy, 2003).

1.3 Kerangka Kajian

Setiap guru memiliki konsepsi tertentu tentang pengajaran di dalam bilik darjah, yang boleh mempengaruhi perancangan dan pelaksanaan pengajaran guru. Ini bererti bahawa konsepsi guru tentang PBP boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran PBP oleh guru.





Menurut Elliot et al. (2000), Ormrod (2000), Land & Hannafin (2000), dan Westwood (2008) PBP berfalsafah pada konstruktivis. PBP yang berasaskan konstruktivis dimulakan dengan membentangkan masalah secara autentik dan kontekstual di awal pembelajaran, dengan masalah tersebut pelajar secara aktif mengkonstruksi ilmu pengetahuan sendiri untuk menyelesaikan masalah yang dibentangkan baik dengan proses penemuan ataupun penyelidikan, untuk menjadikan pelajar aktif guru perlu merancang pembelajaran untuk mendukung keaktifan pelajar, mulai dari bagaimana menyusun isi kandungan, mengkondisikan pelajarnya, dan menggunakan model dan metod yang mendukung.

Untuk mewujudkan proses pembelajaran tersebut Attard, et al. (2010) Hannafin, Land & Olivier (1999), Jonassen (1999), Redolfo (2001) dan Pedersen & Liu (2005) menyebutkan beberapa model pembelajaran yang memiliki karakteristik PBP seperti Pembelajaran Kooperatif (PK), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), Pembelajaran Berasaskan Projek (PBPj). Oleh itu, beberapa faktor yang mempengaruhi konsepsi guru tentang PBP iaitu pengetahuan dan tafsiran mengenai karakteristik dari komponen PBP ini.

Pelaksanaan amalan yang menyokong pendekatan PBP yang pertama ialah PK, iaitu suatu strategi pembelajaran yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan kecil yang heterogen yang mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran untuk mencapai matlamat yang sama dalam akademik dan saling membantu belajar satu sama lain dalam kumpulan, sehingga meningkatkan rasa percaya diri, mahir dalam berkomunikasi, mengukuhkan penyelesaian masalah dan berfikir kritis (Avcioğlu, 2012; Doymus, Karacop, & Simsek., 2010; Hwang et al., 2012; Tan et al., 2012;





Turan et al., 2012). Apabila pelajar berinteraksi dengan pelajar lain, mereka harus membincangkan dan menjelaskan masing-masing perspektifnya, sehingga menyebabkan konsepsi yang lebih besar terhadap mata pelajaran yang sedang dipelajari (Bukunola & Idowu, 2012; Johnson, Johnson & Holubec, 1986). Terdapat beberapa kaedah PK yang boleh digunakan dalam pembelajaran bergantung kepada jumlah pelajar, struktur sosial persekitaran, bilik darjah dan subjek yang akan dilaksanakan. Beberapa kaedah tersebut seperti *Student Team Achievement Division* (STAD), *Jigsaw*, *Think-Pair-Share* dan *Group Investigation* (Maloof & White, 2005; Şimşek, Yılar & Küçük, 2013).

Implementasi amalan yang menyokong pendekatan PBP kedua ialah PBM. Arends (2008), Jacobsen, Eggen & Kauchak (2009), dan Suryadi (2008) menyatakan bahawa PBM merupakan suatu strategi yang direka untuk mengajar kemahiran penyelesaian masalah dan penyelidikan. PBM, sebagaimana namanya, memanfaatkan masalah sebagai *focal point* untuk keperluan investigasi dan penelitian pelajar (Arends, 2008 dan Jaccobsen, Eggen & kauchak, 2009). Agar pelajar terlibat aktif dalam proses pembelajaran, maka guru mengemukakan permasalahan kepada pelajar untuk dicari penyelesaiannya. Permasalahan yang diberikan sebaiknya bersifat *open-ended*, sehingga pelajar dapat menyelesaikan permasalahan tidak hanya dengan melihat contoh namun melalui proses berfikir kritis dan kreatif.

Kajian tentang PBM telah dilakukan oleh Akinoğlu & Tandoğan (2007), dengan melaksanakan model PBM secara koperatif di bilik darjah, pelajar secara berkumpulan menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru dan terjalin kerjasama yang positif antara kumpulan. Masalah yang diberikan ialah masalah dalam





kehidupan seharian. Kajian tentang PBM yang dilakukan oleh Akinoğlu & Tandoğan (2007) lebih menekankan kepada bagaimana guru dapat melaksanakan PBM dalam proses pembelajaran, penerapan PBM diawali dengan *problem development*, *working on the problem* dan terakhir tahap *problem solution*. Guru merupakan faktor kunci dalam sekolah yang berkesan (Cotton, 2001). Guru bertanggungjawab kepada proses pembelajaran dan terlibat dalam penyelidikan yang membantu guru untuk mengetahui apa yang telah diketahui oleh pelajar. Masing-masing guru perlu menjadi agen perubahan dan terlibat dalam berkala penyiasatan dan refleksi untuk menentukan tujuan untuk mengajar dan pembangunan profesional (National Council of Teachers of Mathematics, 1991; Stanley, 2000). PBM terlibat dalam formal dan tidak formal dalam membantu guru dalam membuat perbezaan dalam pendidikan matematik untuk semua pelajar.



Di Indonesia, kajian PBM telah diteliti oleh Sugandi (2010), ia menggabungkan antara PBM dengan koperatif, keupayaan pelajar untuk berfikir berdikari, mengeluarkan pendapat secara benar dan tepat serta kebolehan bertanya menuntut pelajar untuk mempunyai pengetahuan prasyarat yang tinggi atau sedang. Dalam PBM yang diterapkan oleh Sugandi ini, pelajar dituntut untuk boleh bekerja secara kumpulan untuk mencapai hasil bersama. Bermula dari pendefinisian masalah, kemudian pelajar melakukan perbincangan untuk menyamakan persepsi tentang permasalahan serta menetapkan matlamat dan sasaran yang perlu dicapai. Selepas itu pelajar mencari bahan-bahan dari sumber-sumber di perpustakaan, internet, melalui personal atau pemerhatian. Dalam PBM pelajar harus belajar untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan. Inti dari keberkesanan dalam PBM ialah kebolehan pelajar untuk bekerjasama dalam menyelesaikan masalah (Herman, 2006; Newman,

